

Penguasaan bahasa Pertama Remaja Berkeperluan Khas (Lembam) tentang Rukun Iman dan Rukun Islam

(Mastery the first language of Special Needs Teenagers (Sluggish) about the Rukun Iman and the Rukun Islam)

Siti Noridayu Abd. Nasir
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia

Hazlina Abdul Halim
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Aspek penguasaan bahasa pertama, iaitu bahasa Melayu begitu penting dalam sistem pendidikan di Malaysia. Justeru itu, murid berkeperluan khas juga tidak terkecuali dalam pendidikan aliran perdana yang melibatkan penggunaan bahasa Melayu. Subjek Pendidikan Agama Islam (PAI) menggunakan bahasa pengantar dalam bahasa Melayu kepada murid muslim dalam proses pembelajaran. Antara salah satu elemen penting dalam subjek PAI adalah Rukun Islam dan Rukun Iman. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap penguasaan bahasa pertama melalui bacaan dalam Rukun Islam dan Rukun Iman remaja lembam. Kemudian, melihat sejauh mana tahap ingatan remaja lembam melalui hafalan dalam Rukun Islam dan Rukun Iman remaja lembam. Seterusnya, menilai kesan aplikasi Teori Behaviorisme B.F. Skinner dalam penguasaan bahasa pertama remaja lembam. Selain itu, kajian ini juga mengaplikasikan pengukuhan positif dengan memberikan pujian dan dorongan jika responden memberikan bacaan yang lancar dan baik. Sebaliknya, jika berlaku kekurangan dalam aspek bacaan Rukun Islam dan Rukun Iman maka pengukuhan negatif diaplikasikan. Dalam kajian ini pengukuhan negatif merujuk kepada tindakan penyelidik menegur, menasihati dan membetulkan kesalahan jawapan yang diberikan oleh responden. Hasil dapatan kajian menunjukkan, remaja lembam boleh membaca dengan baik dalam bahasa Melayu yang menjadi bahasa pertama responden. Namun begitu, responden tidak dapat mengingat dan menghafal Rukun Islam dan Rukun Iman seperti remaja normal seusianya. Adalah diharapkan kajian ini dapat menjadi panduan untuk kajian akan datang berkaitan remaja lembam yang mengalami masalah dalam pembelajaran subjek PAI di sekolah dalam aliran pendidikan khas.

Kata kunci: Penguasaan Bahasa, Berkeperluan Khas, Remaja Lembam, Rukun Iman, Rukun Islam

Abstract

The aspect of mastering the first language in Malay language, is very important in the education system in Malaysia. Therefore, students with special needs education are not excluded in mainstream education that involves the use of the Malay language. The subject of Islamic Religious Education (PAI) uses Malay as the medium of instruction for Muslim students in the learning process. One of the important elements in the PAI subject is the *Rukun Islam* and the *Rukun Iman*. Therefore, this study aims to identify the level of mastery of the first language through reading in the *Rukun Islam* and the *Rukun Iman* of sluggish teenagers. Then, see the extent of the memory of sluggish teenagers through memorization in the *Rukun Islam* and the *Rukun Iman* of sluggish teenagers. Next, evaluate the effects of the application of B.F. Behaviorism Theory. Skinner in sluggish adolescent first language acquisition. In addition, this study also applies positive reinforcement by giving praise and encouragement if the respondent gives a smooth and good reading. On the other hand, if there is a deficiency in the aspect of reading the *Rukun Islam* and the *Rukun Iman* then negative reinforcement is applied. In this study, negative reinforcement refers to the researcher's actions of reprimanding, advising and correcting wrong answers given by respondents. The results of the study show that slow teenagers can read well in Malay which is the first language of the respondents. However, the respondents were unable to remember and memorize the Pillars of Islam and the Pillars of Faith like normal teenagers of their age. It is hoped that this study can be a guide for future studies related to sluggish teenagers who experience problems in learning the subject of PAI in schools in the special education stream.

Keywords: Mastery of Language, Special needs, Sluggish Teenagers, *Rukun Iman*, *Rukun Islam*

Article Progress
Received: 5 August 2022
Revised: 27 August 2022
Accepted: 3 September 2022

1. PENGENALAN

Bahasa pertama manusia bermula sejak dilahirkan lagi. Di mana fasa kelahiran merupakan peringkat permulaan pemerolehan bahasa pertama melalui persekitaran. Ahwy, O. (2013) menjelaskan bahasa ibunda adalah bahasa pertama yang dikuasai manusia sejak awal hidupnya melalui interaksi dengan anggota masyarakat bahasanya, seperti keluarga dan masyarakat dalam lingkungannya. Oleh yang demikian, penguasaan bahasa pertama manusia bermula dengan kosa kata perkataan yang didengari mereka dan diungkapkan dalam komunikasi lisan. Malah, bahasa pertama merupakan suatu proses awal yang diperoleh kanak-kanak dalam mengenal bunyi dan lambang yang disebut bahasa (Ahwy, O., 2013). Pemerolehan dan penguasaan bahasa adalah permulaan dalam keberkesanan komunikasi lisan manusia. Selain itu, Nur Nadirah, Z. & Vijayaletchumy S. (2018) menegaskan bahawa bahasa merupakan salah satu medium bagi manusia untuk berkomunikasi dengan manusia yang lain dengan mengeluarkan bunyi oleh alat artikulasi untuk membentuk sesuatu ujaran yang mampu difahami.

Hal ini kerana, komunikasi lisan merupakan salah satu cara manusia menyampaikan maklumat kepada penutur lain. Noor Asliza, A.R. & Normaliza, A.R. (2014) memperjelaskan penggunaan strategi komunikasi dalam interaksi lisan yang terancang adalah tinggi khususnya apabila melibatkan interaksi yang formal. Hal ini demikian kerana, sistem pendidikan di Malaysia memerlukan penguasaan yang baik dalam bahasa Melayu secara formal. Bagi murid berbangsa Melayu dan beragama Islam lazimnya menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama mereka. Pemerolehan bahasa pertama bagi kanak-kanak normal melalui peringkat yang membolehkan mereka membaca, menulis, mengingat, menghafal dan mengujarkan semula dalam bentuk lisan. Namun begitu, pemerolehan bahasa kepada kanak-kanak berkeperluan khas dalam mendapatkan bahasa yang terhalang dengan masalah melibatkan neuropsikolinguistik mereka.

Oleh yang demikian, kanak-kanak berkeperluan khas lazimnya mengalami masalah dalam menguasai bahasa pertama hingga meningkat usia remaja. Maka, dalam proses pembelajaran di sekolah secara formal terdapat kelas khas bagi murid berkeperluan khas. Siti Muhibah, N. & Zetty Nurzuliana, R. (2018) menjelaskan cabaran guru pendidikan khas adalah berbeza berbanding guru kelas biasa. Hal ini demikian kerana, pelbagai kerenah murid-murid daripada pelbagai kategori ketidakupayaan memerlukan guru mempersiapkan diri dengan pelbagai kepakaran serta kemahiran bagi berhadapan dengan murid berkeperluan khas (Siti Muhibah, N. & Zetty Nurzuliana, R., 2018). Murid lembam merupakan salah satu daripada kategori murid berkeperluan khas di sekolah. Di mana, murid lembam juga perlu mempelajari subjek ilmiah seperti murid normal lain tetapi ditempatkan dalam aliran khas. Subjek Pendidikan Agama Islam (PAI) merupakan subjek penting kepada murid beragama Islam.

Rentetan itu, penguasaan bahasa Melayu yang menjadi bahasa pertama murid lembam yang beragama Islam dan berbangsa Melayu perlu dikuasai dengan baik. Hal ini kerana, hukum dalam agama Islam perlu difahami dan diamalkan oleh penganut agama Islam. Yusmini M.Y. & Azura A. (2019) menjelaskan pembangunan insan adalah aspek yang dititikberatkan oleh Islam dalam proses pendidikan yang merangkumi perkara asas seperti akidah, ibadah dan akhlak. Oleh yang demikian, perkara asas ini perlu dididik dan diterapkan bukan sahaja kepada individu normal tetapi juga kepada mereka yang kurang bernasib baik seperti orang kurang upaya (OKU) agar golongan ini mempunyai garis panduan yang mencukupi untuk melayari kehidupan sebagai OKU Muslim (Yusmini M.Y. & Azura A., 2019).

Lazimnya, murid berkeperluan khas seperti lembam berlaku hingga meningkat usia remaja atau berada di sekolah menengah. Di sekolah menengah apabila meningkat usia remaja maka ilmu tentang pendidikan Islam menjadi panduan kehidupan mereka. Namun begitu, pembelajaran berkaitan agama Islam agak sukar kepada murid lembam. Nor Izzati, M.N. (2021) menjelaskan bahawa lebih mendukacitakan apabila guru Pendidikan Islam merasakan kanak-kanak berkeperluan

khass memerlukan pendekatan pengajaran yang canggih dan terkini sebagaimana yang pernah dipelajari dalam latihan perguruan mereka memandangkan potensi dan pencapaian mereka adalah sangat rendah berbanding kanak-kanak normal yang lain. Antara rukun yang penting kepada individu yang beragama Islam adalah Rukun Islam dan Rukun Iman.

Oleh yang demikian, Mohd. Nasir, M., Siti Norlina, M. & Siti Aisyah, P. (2013) menegaskan bahawa Rasulullah SAW menerangkan rukun iman iaitu kepada Allah SWT, malaikat-malaikatNya, kitab-kitabNya yang diturunkan kepada para nabi dan rasul, rasul-rasulNya, hari kiamat serta qada' dan qadar. Kemudian, hadis menyebutkan bahawa rukun Islam ada lima perkara iaitu mengucap dua kalimah syahadah, mendirikan solat lima waktu, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan menunaikan haji di Baitullah (Mohd. Nasir, M., Siti Norlina, M. & Siti Aisyah, P., 2013). Maka, Rukun Iman dan Rukun Islam menjadi pegangan kepada orang Islam sama ada normal atau berkeperluan khas. Malah, Rukun Iman dan Rukun Islam menjadi antara elemen dalam ilmu Pendidikan Agama Islam di sekolah. Walau bagaimanapun, penguasaan bahasa pertama remaja lembam yang berbeza dengan remaja normal menyebabkan proses pembelajaran akademik mereka terjejas.

1.1 Penguasaan Bahasa Pertama

Bening, S.P., Husna, I.S. & Dede, P. (2022) menjalankan kajian berkaitan penguasaan aspek mekanis dalam bahasa baku Indonesia yang digunakan oleh mahasiswa. Tujuan kajian dijalankan bagi mendeskripsikan penguasaan aspek mekanis dalam bahasa baku Indonesia mahasiswa tahun pertama dengan menganalisis ungkapan yang efektif. Kaedah kajian secara kualitatif dijalankan kepada 20 orang mahasiswa melalui temu bual. Focus kajian meliputi aspek fonologi, morfologi dan sintaksis. Dapatan kajian menunjukkan 70% penguasaan fonologi adalah tinggi, 10% adalah rendah bagi penguasaan sintaksis dan 20% pada tahap sederhana adalah penguasaan sintaksis. Kajian menjelaskan bahawa penguasaan bahasa baku Indonesia masih berada pada tahap yang rendah dan memerlukan pengukuhan agar lebih baik. Siti Khodijah, C.M. (2020) menjalankan kajian tentang penguasaan sintaksis bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sarjana Bahasa dan Linguistik Melayu di Universiti Putra Malaysia. Kajian dijalankan bertujuan mengenal pasti tahap penguasaan sintaksis bahasa Melayu serta menganalisis kesalahan yang sering dilakukan pelajar tahun akhir yang mengambil major bahasa dan linguistik Melayu. Seramai 50 responden terlibat dalam kutipan data kajian. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa penguasaan bahasa Melayu pada pelajar tahun akhir Bahasa dan Linguistik Melayu berada pada tahap yang sederhana. Hal ini kerana, kebanyakan pelajar menguasai penggunaan bahasa dengan baik tetapi tidak menguasai jenis kata, frasa, klausa dan ayat. Anida, S. et al., (2016) menjalankan kajian tentang penguasaan bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah berdasarkan inventori penilaian kemahiran yang terancang. Kajian dijalankan bertujuan mengenal pasti penguasaan bahasa kanak-kanak prasekolah berdasarkan bahan rangsangan menggunakan gambar serta soalnya yang dibahagikan kepada lima bahagian linguistik. Antara aspek linguistik tersebut adalah fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan pragmatik mengikut tahap taksonomi Bloom 1956. Seramai 75 orang kanak-kanak lingkungan usia tiga hingga lima tahun dipilih untuk temu bual menggunakan instrumen melalui visual (Inventori Penilaian Kemahiran Terancang). Hasil dapatan kajian memperlihatkan penguasaan bahasa kanak-kanak lima tahun lebih tinggi berbanding kanak-kanak berusia empat serta tiga tahun. Selain itu, penguasaan bahasa kanak-kanak disebabkan pengaruh ketidakseimbangan penyusunan bahagian linguistik dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa.

1.2 Orang Kelainan Upaya (OKU) Lembam

Mateu, S. et al., (2018) menjalankan kajian tentang perbandingan kanak-kanak lembam dan hiperaktif (ADHD) dari segi perkembangan kognitif. Kajian dijalankan bagi menentukan perkembangan klinikal kanak-kanak lembam dan hiperaktif (ADHD) dalam kumpulan penghidap masalah pembelajaran tersebut. Malah, kajian ini bertujuan menilai perbezaan dalam jantina

penghidap, gejala dari aspek kesihatan mental dan kemerosotan dalam pembelajaran akademik serta sosial mereka. Selain itu, ia bertujuan melihat gejala kemurungan yang berlaku kepada kanak-kanak lembam dan hiperaktif (ADHD) yang berlaku secara klinikal. Responden kajian adalah ibu bapa dan guru kepada 2,142 kanak-kanak lembam dan hiperaktif (ADHD) di Sepanyol. Dapatan kajian memperlihatkan kanak-kanak lembam mempunyai sikap pemalu dan kemurungan yang lebih tinggi berbanding kamak-kanak ADHD. Shaidatul Nadira, S. & Roslinda, R. (2018) menjalankan kajian tentang tahap pengetahuan tiga orang murid lembam dalam aspek penambahan nombor. Tujuan kajian dijalankan bagi mengenal pasti tahap pengetahuan tiga murid lembam dalam penambahan nombor bulat (matematik). Responden kajian adalah murid lembam dari kelas Pendidikan Khas Sekolah Kebangsaan Jasin di Daerah Jasin yang berbangsa Melayu dan beragama Islam. Dapatan kajian menunjukkan responden mempunyai tahap pengetahuan yang berbeza dalam penambahan nombor bulat dengan kecenderungan mempunyai tahap yang sama mengikut tema penambahan nombor bulat satu digit dengan satu digit tanpa mengumpul semula. Puteri Roslina, A.W. & Nor Azimah, B. (2016) menjalankan kajian tentang gaya pembelajaran kanak-kanak lembam dalam pembelajaran bahasa Melayu. Kajian dijalankan kepada kanak-kanak berusia lima tahun yang telah disahkan serta dilaporkan mengalami masalah lembam oleh pakar perubatan bertauliah. Responden mengalami masalah pembelajaran dan ditempatkan di kelas PPKI. Oleh itu, pemerhatian berstruktur dan ujian dijalankan bagi mendapatkan data. Hasil kajian memperlihatkan terdapat tiga gaya pembelajaran yang diaplikasikan kanak-kanak lembam menggunakan visual sebanyak 77%, auditori 52% dan kinestetik sebanyak 65%. Kanak-kanak lembam lebih dominan menggunakan cara pembelajaran menggunakan visual. Selain itu, kanak-kanak lembam dapat menguasai kefahaman bahasa Melayu dari aspek huruf dan suku kata. Namun begitu, penguasaan perkataan berada pada tahap sederhana terutamanya dalam aspek penulisan dan bacaan.

1.3 Rukun Iman dan Rukun Islam

Bushrah, B. & Muhammad Talhah, A.J. (2021) menjalankan kajian tentang pembinaan individu berdasarkan falsafah dalam rukun Islam. Tujuan kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana pembinaan manusia terhadap konsep yang terkandung dalam rukun Islam. Hasil dapatan kajian memperlihatkan konsep teori dalam tiga elemen (iman, islam dan ihsan) dapat dibandingkan dari segi praktikalnya. Ia tidak dapat dipisahkan bagi melengkapkan pembinaan dalam diri individu muslim yang syumul bagi menggambarkan falsafah rukun Islam yang sebenar. Hal ini demikian kerana, elemen tentang (iman, islam dan ihsan) mempunyai kaitan yang rapat. Ira Suryani et al., (2021) menjalankan kajian berkaitan rukun Iman dalam pembelajaran aidah dan akhlak. Kajian dijalankan bertujuan menghuraikan pengertian iman kepada Allah serta bagaimana ketuhanan tentang Allah yang selama ini menjadi fitrah keimanan manusia terhadap Allah. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa iman kepada Allah adalah mempercayai atau meyakini dalam sanubari manusia serta diikrarkan dengan lisan. Malah, iman juga dizahirkan dengan perbuatan amal manusia. Kepercayaan kepada Allah sebagai pencipta tunggal dibuktikan dengan pelbagai cara. Oleh itu, (iman, islam dan ihsan) mempunyai hubungan antara satu sama lain yang menjadi unsur agama (Ad-Din). Nurjannah (2014) menjalankan kajian tentang lima rukun Islam sebagai pembentuk keperibadian muslim. Tujuan kajian ini dijalankan bagi melihat cara penggunaan metodologi canggih bagi mencapai keperibadian muslim yang sejati menggunakan lima rukun Islam yang terdiri daripada mengucap dua kalimah syahadah, solat, zakat, puasa dan menunaikan haji. Dapatan kajian menunjukkan bahawa rukun Islam menjadi salah satu pendekatan yang diturunkan Allah untuk membentuk keperibadian muslim dengan cara memberikan beberapa latihan supaya dapat membentuk sikap. Amalan pratikal yang diturunkan oleh Allah kepada manusia bagi membentuk sikap dan tingah laku positif dengan lisan (mengucap dua kalimah syahadah), latihan jiwa melalui solat, menunaikan zakat jika berkelayakkan, pengawalan nafsu melalui amalan berpuasa dan menunaikan haji jika berkemampuan. Oleh yang demikian, lima rukun Islam dilihat begitu efektif dalam membentuk keperibadian muslim melalui amalan yang dilakukan.

1.4 Teori Behaviorisme B.F.Skinner

Kiki Melita Andriani et. al., (2022) menjalankan kajian tentang penerapan teori pembelajaran behaviorisme B.F. Skinner dalam pembelajaran. Kajian ini melihat penggunaan teori behaviorisme oleh B.F. Skinner bermula tahun 2014 hingga 2020. Dapatan kajian memperlihatkan lima artikel lepas memiliki tema yang diperdebatkan dengan teori behaviorisme oleh B.F. Skinner dengan fokus penelitiannya yang berbeza. Penelitian lepas mempunyai had pemikiran pendidikan yang dinyatakan oleh B.F. Skinner dibandingkan dengan pemikiran tokoh lain. Oleh yang demikian, perbandingan antara penelitian tokoh lain adalah tentang pemikiran, hukuman dalam pendidikan dan perbandingan pemikiran antara tokoh lain dan B.F. Skinner. Valentino Reykliv, M. et al., (2022) menjalankan kajian tentang hubungan teori pembelajaran behaviorisme dengan teknologi pendidikan. Tujuan kajian dijalankan bagi mengkaji hubungan antara teori behaviorisme dengan teknologi pendidikan menggunakan penelitian secara kualitatif deskriptif. Kajian ini menggunakan metodologi dengan pengumpulan data yang sesuai dengan topik berdasarkan teori behaviorisme. Dapatan kajian memperlihatkan sesuatu yang jelas daripada revolusi teknologi pendidikan telah mempengaruhi dunia pembelajaran kini. Kemudian, teknologi merupakan elemen dalam era revolusi industri yang tidak dapat dihentikan. Seterusnya, teknologi dalam dunia pendidikan memberi ruang yang baru dalam proses pembelajaran yang terdapat dalam kurikulum dan pembelajaran yang terdapat dalam silibus. Ia bersifat kolaboratif antara teori pembelajaran dan teknologi dalam bidang pendidikan. Hendrar, A.W., Hendri Eka, J.P. & Suyitno, M. (2021) menjalankan kajian tentang pengaruh teori pembelajaran B.F. Skinner melalui *Model Picture and Picture* terhadap kemampuan pemahaman dalam subjek matematik. Tujuan kajian dijalankan bagi melihat peningkatan dalam kemampuan pemahaman matematik mahaiswa menggunakan teori pembelajaran B.F. Skinner menggunakan *Model Picture and Picture* melalui 36 orang responden kajian. Dapatan kajian memperlihatkan pembelajaran matematik menggunakan teori pembelajaran behaviorisme meningkatkan kemampuan matematik kepada responden sebanyak 81% dengan aplikasi yang sangat baik. Namun begitu, hanya 29 orang responden sahaja yang menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dalam pembelajaran subjek matematik.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam sistem pendidikan di Malaysia. Terdapat penggunaan dua bahasa pengantar utama, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Noor Hayati, R., et. al., (2022) menjelaskan menurut laporan penggunaan Bahasa Melayu yang kerap oleh guru-guru opsyen dalam mengajar Bahasa Inggeris kerana ia tidak dapat dielakkan di kawasan luar bandar di mana kebanyakan pelajar tidak mahir dalam bahasa kedua. Namun begitu, di luar bandar penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama juga tidak dapat dikuasai dengan baik oleh murid berkeperluan khas. Antaranya adalah murid lambat yang dikategorikan sebagai Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) yang mengalami masalah pembelajaran. Masalah penguasaan bahasa menyebabkan murid lambat tidak dapat menguasai kosa kata bahasa dengan baik.

Oleh itu, setiap subjek yang dipelajari dalam bahasa Melayu juga gagal dikuasai dengan sempurna seperti subjek Pendidikan Agama Islam. Nurulasyikin, M. et al., (2021) pengumpulan kosa kata ini adalah penting untuk membolehkan kanak-kanak yang dilihat sebagai kelompok pelajar peringkat permulaan mendapatkan lebih pengetahuan dan ianya dapat menggalakkan proses pembelajaran yang lebih aktif. Penguasaan bahasa dikaitkan dengan pengetahuan dan proses pembelajaran di sekolah. Dalam subjek Pendidikan Agama Islam terdapat Rukun Islam dan Rukun Iman yang perlu dikuasai oleh semua murid yang beragama Islam. Ia bertujuan membentuk akhlak, keimanan dan akidah manusia supaya mengikut landasan agama Islam untuk menjadi muslim serta muslimah yang baik. Asming, Y.,Mustafa 'Afifi, A.H. & Wan Abdul Fattah, W.I. (2011) menjelaskan bahawa akidah merupakan asas penting yang perlu ada bagi diri setiap insan yang bergelar Muslim. Tanpa akidah yang mantap dan jitu, hilanglah keseimbangan dalam kehidupan bermasyarakat, lahirilah kekacauan dalam kehidupan seharian, kehidupan tidak akan mendapat

ketenangan dan akan terputus hubungan sesama manusia (Asming, Y., Mustafa 'Afifi, A.H. & Wan Abdul Fattah, W.I., 2011). Keperluan pengetahuan yang kukuh dalam Rukun Iman dan Rukun Islam menjadi lambing kepada Islam yang menjadi agama universal dalam aturan kehidupan manusia.

Malah, Islam merupakan jalan kehidupan terbaik dalam pelbagai aspek yang dikenali juga sebagai *way of life*. Abd. Basid (2019) menegaskan bahawa Islam memiliki prinsip, konsep dan pandangan tersendiri dalam setiap perjalanan kehidupan termasuk di dalamnya konsep dan wawasan kependidikan. Oleh yang demikian, sistem pendidikan memerlukan pengukuhan dalam penggunaan bahasa yang baik bagi memahami intipati kandungan ilmu dalam Islam. Namun begitu, bagi memastikan tahap penguasaan bahasa pertama murid maka perlunya kerjasama ibu bapa dalam menilai terlebih dahulu tingkah laku anak mereka. Mateu, S., Maria, B., & Gloria, G. B. (2017) menjelaskan bahawa ibu bapa perlu menjalankan penilaian mereka terhadap tingkah laku anak mereka dan dalam komuniti tidak melibatkan sekolah secara bebas. Hal ini demikian kerana, di sekolah guru perlu memberikan fokus kepada ramai murid dalam aliran pendidikan khas. Oleh yang demikian, dalam penguasaan berkenaan Rukun Iman dan Rukun Islam juga memerlukan peranan ibu bapa serta penjaga untuk memberikan pendedahan awal serta mendidik anak mereka dari rumah lagi. Ia bagi memberikan kesan dalam proses mengingat murid lembam yang mengalami proses pembelajaran yang tidak sama seperti murid normal yang lain.

3. OBJEKTIF

Kajian ini dijalankan bagi menjawab tiga objektif kajian, iaitu;


- i. Mengetahui tahap penguasaan bahasa pertama melalui bacaan dalam Rukun Islam dan Rukun Iman remaja lembam
- ii. Melihat sejauh mana tahap ingatan remaja lembam melalui hafalan dalam Rukun Islam dan Rukun Iman remaja lembam
- iii. Menilai kesan aplikasi Teori Behaviorisme B.F. Skinner dalam penguasaan bahasa pertama remaja lembam

4. METODOLOGI

Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan merujuk kepada bahan ilmiah daripada sumber artikel dalam jurnal, kertas prosiding, buku ilmiah dan artikel majalah yang berkaitan kajian ini. Selain itu, kajian ini merupakan penyelidikan secara mendalam *in-depth-study* yang meneliti seorang responden kajian. Bagi mendapatkan data untuk proses penganalisan maka seorang responden lembam telah dipilih bagi menjayakan kajian ini. Responden tersebut merupakan seorang remaja atau murid perempuan yang masih bersekolah dalam aliran perdana dalam kelas Pendidikan Khas (PPKI) di Sekolah Menengah Kebangsaan Sanglang, Perlis. Hal ini kerana, lokasi kajian adalah di kawasan luar bandar di negeri Perlis. Selanjutnya, responden kajian telah berusia 16 tahun yang berada pada usia remaja.


Dalam kajian ini Teori Behaviorisme yang dipelopori oleh B.F. Skinner digunakan dalam analisis data kajian. Oleh itu, terdapat dua jenis pengukuhan yang diaplikasikan dalam melihat analisis dapatan data. Pertama, pengukuhan positif yang menggunakan pujian, hadiah atau ganjaran apabila seseorang dapat memberikan jawapan dengan baik semasa menjalankan kajian. Kedua, pengukuhan negatif yang menggunakan teguran, nasihat dan hukuman jika sesuatu jawapan gagal diberikan dengan baik semasa kajian dijalankan. Oleh itu, Rajah 1 menunjukkan pecahan Teori Behaviorisme B.F. Skinner yang membahagikan dua pengukuhan. Tujuan penggunaan pengukuhan positif bertujuan memberikan semangat dan motivasi kepada responden kajian. Yopi Nisa Febianti (2018) menegaskan kata *motif* yang bermaksud usaha seseorang sebagai pendorong melakukan

sesuatu atau penggerak dalam diri seseorang individu untuk melakukan aktiviti, maka motivasi ialah penggerak yang aktif atau dorongan tenaga dalam diri individu yang timbul kerana sesuatu untuk melakukan suatu aktiviti tertentu yang dianggap dapat menguntungkan diri sendiri. Manakala, hukuman lazimnya dilakukan bagi memberikan pengajaran dan pendidikan secara tegas kepada seseorang. Mohd Zulkarnain Abd Hamid & Mohd Isa Hamzah (2021) menjelaskan bahawa kaedah ganjaran dan pujian Skinner juga mempercayai bahawa sesuatu tingkah laku itu dipengaruhi oleh faktor penguhan sama ada ganjaran atau dendaan. Dengan adanya pujian yang menarik, maka tingkah laku positif dapat dikekalkan oleh seseorang manakala tingkah laku yang negatif murid-murid akan diubah (Mohd Zulkarnain Abd Hamid & Mohd Isa Hamzah, 2021).




Rajah 1: Teori Behaviorisme B.F. Skinner

Selepas itu, item kajian yang digunakan bagi menjawab objektif dalam kajian ini adalah Rukun Islam dan Rukun Iman. Dua rukun utama dalam agama Islam ini dijadikan item kajian bagi melihat sejauh mana penguasaan bahasa pertama, iaitu bahasa Melayu responden kajian. Oleh yang demikian, tahap penguasaan dilihat daripada hasil bacaan dan hafalan yang responden kajian yang merupakan seorang remaja lembam. Rajah 2 menunjukkan Rukun Islam mengandungi lima item yang perlu dibaca dan dihafal oleh responden kajian. Antaranya, mengucap dua kalimah syahadah, menunaikan solat lima waktu sehari semalam, berpuasa di bulan Ramadhan, mengeluarkan zakat dan menunaikan haji di Mekah jika berkemampuan. Item dalam Jadual 2 ini merupakan kewajipan dalam Islam yang perlu dilaksanakan oleh muslim dan muslimah. Namun begitu, aspek dalam Rukun Islam ini hanya merujuk kepada individu yang mempunyai kemampuan untuk menunaikan perintah Allah. Hal ini demikian kerana, Islam memberikan kemudahan kepada umatnya dalam melaksanakan perintah atas kemampuan mereka supaya tidak terbeban.



Rajah 2: Rukun Islam

Kemudian, item kajian ini adalah Rukun Iman. Dalam Rukun Iman terkandung enam perkara yang perlu diketahui oleh orang yang beragama Islam. Antaranya, beriman kepada Allah, beriman kepada malaikat, beriman kepada kitab-kitab Allah, beriman kepada rasul, beriman pada hari akhirat serta beriman kepada qada dan qadar Allah. Ia merangkumi keperluan kepada kehidupan seseorang muslim dan muslimah yang berpegang teguh kepada kepercayaan terhadap agama Islam. Malah, bagi remaja berkeperluan khas yang mengalami masalah lembam pula perlu mematuhi kepercayaan yang ditetapkan dalam Rukun Iman. Oleh yang demikian, rajah 3 menunjukkan enam kepercayaan yang diterapkan dalam Rukun Iman kepada semua umat manusia yang beragama Islam di dunia ini.



Rajah 3: Rukun Iman

5. DAPATAN KAJIAN

Mengenal pasti tahap penguasaan bahasa pertama melalui bacaan dalam Rukun Islam dan Rukun Iman remaja lembam

Objektif kajian pertama bertujuan mengenal pasti tahap penguasaan bahasa pertama atau bahasa Melayu yang digunakan oleh responden dalam komunikasi hariannya dan sebagai bahasa pengantar di sekolah. Responden merupakan remaja yang berusia 16 tahun dan mengalami masalah pembelajaran dalam kategori lembam. Walau bagaimanapun, atas bantuan ahli keluarga dan guru maka responden dapat membaca dalam bahasa Melayu dengan baik. Dalam kajian ini pula, penyelidik memberikan fokus terhadap penguasaan dalam bacaan responden tentang Rukun Islam dan Rukun Iman yang menjadi pegangan umat Islam di seluruh dunia. Malah, subjek Pendidikan Agama Islam (PAI) merupakan subjek yang wajib dipelajari di sekolah oleh pelajar yang beragama Islam. Oleh yang demikian, penyelidik memberikan teks seperti dalam Rajah 2 tentang lima Rukun Islam untuk dibaca oleh responden kajian.

Jadual 1: Penguasaan Bahasa dalam Rukun Islam

Item Bacaan	Catatan	Komen
Mengucap dua kalimah syahadah	Bacaan lancar	Tiada
Menunaikan solat sehari semalam lima waktu	Bacaan lancar	Tiada
Berpuasa di bulan Ramadhan	Mengulangi perkataan <i>Ramadhan</i> sebanyak dua kali	Kurang yakin dengan sebutan <i>Ramadhan</i>
Menunaikan zakat	Bacaan lancar	Tiada
Mengerjakan haji jika berkemampuan	Bacaan lancar	Tiada

Jadual 1 menunjukkan hasil dapatan kajian daripada hasil bacaan responden yang dicatatkan oleh penyelidik. Bagi bacaan tentang *mengucap dua kalimah syahadah* dapat dibaca dengan baik dan lancar oleh responden kajian dengan yakin. Setiap bacaan yang lancar dan tepat diberikan pujian oleh penyelidik bagi meningkatkan semangat responden untuk terus membaca. Kemudian, bacaan bagi *menunaikan solat sehari semalam lima waktu* juga dapat dibaca dengan baik tanpa kesalahan sebutan. Selepas itu, bacaan bagi *berpuasa di bulan Ramadhan* pula berlaku sedikit kekurangan dalam sebutan yang perlu diulangi sebanyak dua kali. Hal ini kerana, ejaan *Ramadhan* dibaca dengan perasaan kurang yakin oleh responden. Malah, perkataan yang jarang ditemui dan dibaca mengurangkan tahap kemahiran dalam penguasaan bahasa pertama responden. Selanjutnya, bagi bacaan *menunaikan zakat* juga dapat disebut dengan baik oleh responden. Akhir sekali, adalah bacaan *mengerjakan haji jika mampu* dapat dibaca dengan lancar tanpa sebarang masalah.

Seterusnya, adalah ujian bacaan yang dijalankan menggunakan item Rukun Iman. Dalam Rukun Iman terdapat enam perkara yang perlu dipercayai oleh setiap umat Islam di dunia merangkumi kepercayaan kepada Allah yang satu hingga ketentuan yang lebih dikenali sebagai qada dan qadar Allah. Oleh yang demikian, penguasaan bahasa dan pemerolehan dalam pembelajaran tentang Rukun Iman oleh responden dapat dinilai melalui hasil dapatan kajian. Maka, setiap bacaan yang betul, jelas dan diberikan pujian sebagai penghargaan kepada responden. Lazimnya, setiap manusia memerlukan penghargaan secara emosi seperti pujian dan pandangan yang positif. Ia bertujuan membangkitkan semangat seseorang dalam sesuatu perbuatan yang dilakukan mereka.

Malah, proses pembelajaran dalam penguasaan bahasa pertama memerlukan pujian yang bersifat mendorong remaja lambat untuk membaca dengan lebih baik.

Jadual 2: Penguasaan Bahasa dalam Rukun Iman

Item Bacaan	Catatan	Komen
Percaya kepada Allah	Bacaan lancar	Tiada
Percaya kepada Malaikat	Bacaan lancar	Tiada
Percaya kepada Kitab-Kitab Allah	Bacaan lancar	Tiada
Percaya kepada Rasul	Bacaan lancar	Tiada
Percaya kepada Hari Kiamat	Bacaan lancar	Tiada
Percaya kepada Qada & Qadar	Tidak menyebut dengan jelas perkataan <i>Qada & Qadar</i>	Kekeliruan untuk menyebut dua perkataan yang hampir sama ejaan

Oleh yang demikian, jadual 2 memperlihatkan dapatan kajian melalui bacaan oleh remaja lambat dalam penguasaan bahasa pertama tentang Rukun Iman. Bagi bacaan *percaya kepada Allah* adalah baik dan lancar dan responden begitu berkeyakinan apabila membaca. Seterusnya, bacaan *percaya kepada Malaikat* juga dapat dibaca dengan jelas dan baik. Kemudian, bacaan *percaya kepada Kitab-Kitab Allah* dapat dibaca dengan baik. Selepas itu, bacaan *percaya kepada Rasul* juga tidak menunjukkan terdapat masalah dalam bacaan responden kajian. Selanjutnya, bacaan *percaya kepada Hari Kiamat* juga dapat dibaca dengan kejelasan yang baik. Akhir sekali, bacaan *percaya kepada Qada & Qadar* mengalami kekeliruan dalam bacaan responden kajian. Kekeliruan dalam bacaan berlaku kerana ejaan *Qada* yang hampir sama dengan *Qadar*. Dalam situasi kekeliruan ini penyelidik memberikan teguran dan memberikan responden peluang untuk membaca sekali lagi. Namun begitu, responden menunjukkan riak wajah tersenyum malu kerana membaca tidak lancar bagi ayat tersebut.

Melihat sejauh mana tahap ingatan remaja lambat melalui hafalan dalam Rukun Islam dan Rukun Iman remaja lambat

Bagi mendapatkan data kajian untuk objektif kajian kedua pula adalah kemahiran mengingat yang dimiliki responden kajian. Responden kajian memaklumkan bahawa Rukun Islam dan Rukun Iman tidak dapat diingat dengan baik. Malah, lima Rukun Islam gagal dihafal dan diingati tanpa perlu melihat teks berlaku kepada responden kajian. Begitu juga bagi enam Rukun Iman yang tidak dapat diingati oleh responden kajian. Oleh yang demikian, penyelidikan memberikan masa kepada responden untuk membaca Rukun Islam dan Rukun Iman dan perlu mengingat untuk diujarkan dalam bentuk lisan semula.

Jadual 3: Penguasaan Bahasa dalam Rukun Islam

Item Bacaan	Catatan	Komen
Mengucap dua kalimah syahadah	Tiada respon	Responden gagal mengingat
Menunaikan solat sehari semalam lima waktu	Tiada respon	Responden gagal mengingat
Berpuasa di bulan Ramadhan	Tiada respon	Responden gagal mengingat
Menunaikan zakat	Tiada respon	Responden gagal mengingat
Mengerjakan haji jika berkemampuan	Tiada respon	Responden gagal mengingat

Selepas memberi masa satu jam kepada responden maka penyelidik menjalankan pertanyaan lisan bagi mendapatkan data kajian. Item hafalan adalah teks yang sama tentang Rukun Islam dan Rukun Iman seperti dalam objektif kajian pertama. Namun begitu, bagi objektif kajian kedua data diperolehi daripada hasil hafalan dan kemampuan mengingat responden kajian. Oleh kerana, responden kajian adalah seorang remaja lembam maka kebolehan menghafal dan mengingat adalah berbeza dengan remaja normal. Dalam usia 16 tahun lazimnya remaja normal tidak mempunyai masalah dalam mengingat lima Rukun Islam dan enam Rukun Iman. Ida Puteri, M. (2021) menegaskan bahawa guru yang mengajar murid berkeperluan khas sememangnya berhadapan dengan pelbagai masalah antaranya ialah apabila murid kurang mempunyai kemahiran berkomunikasi dan keyakinan diri yang rendah. Oleh yang demikian, masalah komunikasi membawa kepada kelemahan dalam proses menghafal dan mengingat sesuatu perkataan atau ayat dalam bahasa pertama mereka. Dalam dapatan kajian mendapati lima Rukun Islam gagal diingati oleh responden walaupun masa telah diberikan.

Jadual 4: Penguasaan Bahasa dalam Rukun Iman

Item Hafalan	Catatan	Komen
Percaya kepada Allah	Tiada respon	Responden gagal mengingat
Percaya kepada Malaikat	Tiada respon	Responden gagal mengingat
Percaya kepada Kitab-Kitab Allah	Tiada respon	Responden gagal mengingat
Percaya kepada Rasul	Tiada respon	Responden gagal mengingat
Percaya kepada Hari Kiamat	Tiada respon	Responden gagal mengingat
Percaya kepada Qada & Qadar	Tiada respon	Responden gagal mengingat

Kemudian, bagi proses mengingat dan menghafal Rukun Iman juga gagal diingati oleh responden kajian. Situasi ini berlaku apabila responden tidak dapat memahami dengan kejelasan tentang makna, keperluan yang mendalam tentang Rukun Iman. Dalam jadual 4 menunjukkan enam kepercayaan dalam Rukun Iman yang tidak dapat diingati oleh responden kajian. Bagi murid normal proses mengingat atau menghafal adalah proses awal dalam pembelajaran di peringkat rendah. Namun begitu, situasi ini berbeza dengan kemampuan remaja lembam dalam mengingat atau menghafal sesuatu ayat. Hashimah, H. et al., (2020) Kemahiran berfikir aras rendah lebih berfokus kepada kebolehan murid untuk mengingat semula dan menghafal fakta atau maklumat. Oleh yang demikian, remaja lembam dalam kategori berkeperluan khas mengalami masalah mengingat sesuatu yang kritikal walaupun hanya maklumat ringkas.

Menilai kesan aplikasi Teori Behaviorisme B.F. Skinner dalam penguasaan bahasa pertama remaja lembam

Penyelidikan ini bertujuan menilai kesan aplikasi penggunaan Teori Behaviorisme B.F. Skinner dalam penguasaan bahasa pertama remaja lembam melalui item Rukun Islam dan Rukun Iman. Dalam dapatan kajian ini memperlihatkan aspek sebutan, kemahiran dan tingkah laku yang ditunjukkan oleh responden sepanjang melengkapkan objektif kajian pertama dan objektif kajian kedua. Hal ini kerana, proses mendapatkan data kajian bagi objektif kajian pertama mengaplikasikan dua pengukuhan yang diterapkan oleh B.F. Skinner. Dalam aplikasi pengukuhan positif dengan memberikan pujian setiap kali bacaan lancar dan baik dapat meningkatkan semangat responden

untuk terus membaca. Malah, riak wajah yang ditunjukkan responden memperlihatkan bahawa pujian yang diberikan oleh penyelidik menyenangkan, rasa dihargai, menunjukkan wajah yang tenang semasa membaca teks seterusnya. Namun begitu, aplikasi pengukuhan positif hanya efektif digunakan semasa objektif kajian pertama dalam bacaan Rukun Islam dan Rukun Iman.

Walaupun bagaimanapun, semasa proses bacaan Rukun Islam hanya terdapat satu kesilapan yang berlaku menyebabkan penyelidik mengaplikasikan pengukuhan negatif *berpuasa di bulan Ramadhan* yang perlu dibaca sebanyak dua kali bagi membetulkan bacaan sebelum ini. Pengukuhan negatif berpotensi mengurangkan semangat untuk responden membaca dengan lebih baik selepas itu. Namun begitu, perkataan yang sering ditemui oleh responden mendorong hasil bacaan yang lebih berkualiti dan baik. Bacaan *berpuasa di bulan Ramadhan* berada di tengah perkara dalam Rukun Islam. Walaupun bacaan *berpuasa di bulan Ramadhan* tidak lancar tetapi bacaan seterusnya tetap berjaya dibaca dengan baik kerana ayat tersebut tidak menimbulkan kekeliruan dan dibaca dengan kadar yang kerap oleh responden kajian.

Selanjutnya, dalam bacaan Rukun Iman juga pengukuhan positif diaplikasikan jika responden dapat membaca dengan baik dan lancar. Setiap bacaan ayat yang betul diberikan pujian sebagai galakkan untuk terus membaca dengan baik. Namun begitu, berlaku aplikasi pengukuhan negatif pada ayat *berpuasa di bulan Ramadhan* kerana gagal membaca dengan baik perkataan *Ramadhan* yang mengelirukan responden dalam ejaannya. Ia berlaku kerana responden jarang menjumpai dan menggunakan perkataan *Ramadhan*. Walau bagaimanapun, pengukuhan negatif yang diaplikasikan secara teguran dan memberikan jawapan yang betul bertujuan memberikan didikan serta sebutan formal yang betul untuk pengetahuan responden. Malah, pengukuhan negatif bukan bertujuan melemahkan semangat responden untuk terus belajar. Oleh yang demikian, bagi ayat seterusnya selepas *berpuasa di bulan Ramadhan* dapat dibaca dengan lancar dan baik oleh responden.

Walaupun bagaimanapun, bagi ujian mengingat serta hafalan Rukun Islam dan Rukun Iman hanya berlaku aplikasi pengukuhan negatif. Hal ini demikian kerana, responden gagal mengingat dan tidak dapat memberikan jawapan apabila ditanya oleh penyelidik. Walaupun, usia responden telah meningkat 16 tahun namun Rukun Islam dan Rukun Iman gagal diingati dengan baik seperti remaja muslim yang normal. Bagi remaja muslim yang dilahirkan normal mereka tidak mempunyai masalah dalam proses belajar, mengingat dan menghafal lima perkara dalam Rukun Islam serta enam perkara dalam Rukun Iman. Rentetan itu, melalui penyelidikan ini dapat melihat sejauh mana kebolehan dalam proses pembelajaran yang berlaku terhadap remaja lembam yang jauh tertinggal berbanding remaja normal lain.

Oleh yang demikian, melalui aplikasi pengukuhan negatif dalam Teori Behaviorisme B.F. Skinner menunjukkan penggunaan teguran, nasihat dan pembetulan yang dilaksanakan oleh penyelidik dengan tujuan memberikan pendidikan kepada responden agar dapat mengingat Rukun Islam dan Rukun Iman. Namun begitu, daya ingatan remaja lembam tidak dapat mengingat Rukun Islam dan Rukun Iman walaupun diberikan masa. Hal ini menunjukkan, aplikasi pengukuhan negatif masih tidak memberikan kesan bagi meningkatkan semangat responden untuk mengingat. Daya ingatan yang lemah memerlukan masa dan pengulangan secara berterusan dalam sesuatu pembelajaran. Namun begitu, Rukun Islam dan Rukun Iman tidak dipelajari setiap hari dalam subjek Pendidikan Agama Islam (PAI). Ia dipelajari mengikut silibus yang telah ditetapkan dalam subjek PAI. Hal ini demikian kerana, dalam subjek PAI terdapat banyak item dalam syaria, Al-Quran dan Sunnah, akhlak, ibadat serta sirah yang perlu dipelajari oleh murid sekolah aliran perdana seperti responden.

6. KESIMPULAN

Konklusinya, remaja lambat mempunyai kebolehan untuk membaca jika diberikan pendidikan dalam pembelajaran yang sesuai. Malah, sistem pendidikan dalam aliran khas di sekolah yang menawarkan kelas pendidikan khas dapat membantu remaja lambat yang mengalami masalah pembelajaran membaca dan mengenal huruf bermula A hingga Z dengan baik. Nurul Haniza, S. et al., (2017) menjelaskan bahawa program Pemulihan Khas yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) semenjak tahun 1960-an bertujuan untuk membantu murid-murid sekolah rendah yang menghadapi masalah khusus dalam kemahiran asas membaca, menulis dan mengira yang dikenali sebagai kemahiran 3M. Oleh yang demikian, dalam kajian ini remaja lambat yang menjadi responden kajian menunjukkan tahap bacaan huruf rumi dalam bahasa Melayu dapat dibaca dengan lancar. Apatah lagi, bahasa Melayu merupakan bahasa pertama kepada responden kajian.

Sistem pendidikan dalam aliran perdana di Malaysia menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah responden. Jumiya, A. (2014) menjelaskan Malaysia mempunyai bahasa kebangsaannya tersendiri, iaitu bahasa Melayu. Negara ini yang rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum mempunyai sebahagian daripada penduduknya yang menggunakan bahasa Melayu bukan sebagai bahasa pertama atau bahasa ibunda, tetapi sebaliknya mempelajari dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (Jumiya, A. 2014). Oleh yang demikian, melalui kajian ini memperlihatkan bahawa responden mampu menguasai bahasa pertama dalam membaca Rukun Islam dan Rukun Iman. Malah, bahasa Melayu menjadi bahasa utama yang digunakan oleh responden kajian di rumah dan sekolah serta melibatkan pelbagai urusan.

Oleh yang demikian, dalam dapatan kajian yang melihat tahap bacaan Rukun Islam dalam lima perkara menunjukkan responden dapat membaca dengan baik. Hanya berlaku sedikit kesilapan sebutan yang dapat diperbetulkan semula. Malah, selepas berlaku pembetulan ia dapat dibaca dengan baik dan lancar oleh responden kajian. Begitu juga, situasi dalam bacaan enam Rukun Iman yang menunjukkan kebolehan bacaan bahasa Melayu yang menjadi bahasa pertama responden dapat dibaca dengan baik. Hal ini menunjukkan, responden mempunyai tahap bacaan yang baik dalam subjek Pendidikan Agama Islam (PAI) yang melibatkan bacaan dalam Rukun Islam dan Rukun Iman. Malah, semua aspek dalam lima Rukun Islam dan enam aspek dalam Rukun Iman difahami dengan baik oleh responden.

Namun begitu, tahap ingatan untuk proses menghafal gagal dilakukan dengan baik oleh responden kajian. Oleh itu, melalui dapatan kajian memperlihatkan bahawa responden yang mengalami masalah pembelajaran tidak dapat menghafal sesuatu item ayat yang dipelajari di dalam kelas. Tambahan lagi, remaja lambat dalam kategori berkeperluan khas tidak dapat mengingat sesuatu sama seperti remaja normal yang berusia 16 tahun seperti mereka. Dalam kajian ini lima Rukun Islam tidak dapat diingati dan dihafal oleh responden kajian. Situasi yang sama berlaku dalam proses mengingat dan menghafal enam Rukun Iman oleh responden kajian. Hal ini demikian kerana, tahap pemikiran remaja lambat yang lemah dalam proses mengingat telah menghalang mereka untuk mengingat sesuatu ayat tanpa melihat kepada teks bacaan. Manisah, M.A. & Norizza, S. (2016) menegaskan bahawa murid-murid bermasalah pembelajaran adalah antara golongan yang lemah dari aspek penguasaan kemahiran belajar berikutan pengekalan tumpuan yang singkat dan kesukaran untuk memastikan pelajaran yang disampaikan diperolehi dengan kadar sepatutnya.

Penilaian yang dijalankan menggunakan aplikasi pengukuhan positif dan pengukuhan negatif dalam Teori Behaviorisme B.F. Skinner dalam penguasaan bahasa pertama, iaitu bahasa Melayu menunjukkan kesan yang baik dalam aspek bacaan. Hal ini kerana, lima Rukun Islam dapat dibaca dengan baik dan lancar dalam aplikasi pengukuhan positif yang dilaksanakan. Walaupun terdapat satu item dalam Rukun Islam yang mengaplikasikan pengukuhan negatif tetapi responden berupaya membaca dengan baik pada item seterusnya. Begitu juga, dalam bacaan enam item Rukun Iman yang

mengaplikasikan pengukuhan positif bagi setiap item yang Berjaya dibaca dengan baik dan lancar. Malah, aplikasi pengukuhan negatif tidak menjejaskan pembacaan item seterusnya yang dapat dibaca dengan lancar dan baik. Walau bagaimanapun, dalam proses mengingat dan menghafal lima Rukun Islam dan enam Rukun Iman hanya dapat mengaplikasikan pengukuhan negatif kerana responden tidak dapat memberikan jawapan dalam sebarang item yang dikemukakan oleh penyelidik.

Oleh yang demikian, hasil penilaian melalui dapatan penyelidikan ini menunjukkan bahawa remaja lembam berupaya mengungkapkan perkataan dalam bahasa pertama dengan baik. Penggunaan bahasa Melayu yang diujarkan jelas dan menunjukkan tiada masalah melibatkan patologi pertuturan atau aspek linguistik klinikal. Namun begitu, dalam aspek neuropsikolinguistik menunjukkan gejala yang ketara apabila berlaku kegagalan dalam hafalan dan mengingat sesuatu yang dipelajari. Maka, remaja lembam memerlukan perhatian bagi membantu mereka meningkatkan kemampuan menghafal serta mengingat perkara penting yang melibatkan hasil pembelajaran di kelas. Malah, Rukun Islam dan Rukun Iman merupakan rukun yang perlu dikuasai dan diingati dengan baik oleh seseorang yang beragama Islam.

RUJUKAN

- Abd. Basid. (2019). Pendidikan Islam sebagai Way Of Life; Refleksi Pencarian Spektrum Generasi Profetik. *At-Ta'lim*. Vol. 5, No. 2, 1-13. Diambil daripada <file:///C:/Users/W8.1/Downloads/68-Article%20Text-142-1-10-20191115.pdf>
- Ahwy, O. (2013). Pemerolehan Bahasa Pertama. *Jurnal Penelitian & Pendidikan Islam*. Vol. 4, No 1, 236-247. Diambil daripada <https://www.researchgate.net/publication/312974807>
- Anida, S., Dahlia, J., Zulkifli, O. & Ahmad Khair, M.N. (2016). Penguasaan Bahasa Melayu Kanak-kanak Prasekolah Berdasarkan Inventori Penilaian Kemahiran Terancang. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. Vol. 4, 93-106. Diambil daripada <https://doi.org/10.15282/ijleal.v4.488>
- Asming, Y., Mustafa 'Afifi, A.H. & Wan Abdul Fattah, W.I. (2011). Akidah: Peranan dan Kepentingannya dalam Memelihara Keharmonian Rumah Tangga. *Jurnal Usuluddin* 33. 1-18. Diambil daripada <file:///C:/Users/W8.1/Downloads/15866.pdf>
- Bening, S.P., Husna, I.S. & Dede, P. (2022). Potret Penguasaan Aspek Mekanis Bahasa Indonesia Baku Mahasiswa. *Jurnal Penelitian dan Pengembangan Pendidikan*. Vol. 6, No. 1, 137-144. Diambil daripada <https://doi.org/10.23887/jppp.v6i1.41487>
- Bushrah, B. & Muhammad Talhah, A.J. (2021). Pembinaan Individu Berdasarkan Falsafah Rukun Islam. *Jurnal Dunia Pengurusan*. Vol. 3, No. 2, 37-46. Diambil daripada <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpg>
- Hashimah, H., Suppiah, N., Md Nasir, M., Syaza Syafeeqah, M.K. (2020). Analisis Pemupukan Kemahiran Berfikir dalam Kalangan Murid Prasekolah Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*. Vol. 9(2), 34-47. Diambil daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/journal/JPAK>
- Hendrar, A.W., Hendri Eka, J.P. & Suyitno, M. (2021). Pengaruh Teori Belajar Skinner melalui Model Picture and Picture terhadap Kemampuan Pemahaman Matematis. *Jurnal Teknologi Pendidikan*. Vol.10, No.2, 261-275. Diambil daripada <https://doi.org/10.34005/Akademika.v10i02.1448>

- Ida Puteri, M. (2021). Ekspresi Seni dan Komunikasi Visual Murid Berkeperluan Khas dalam Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*. Vol.10 (1), 41-54. Diambil daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/journal/JPAK>
- Ira Suryani, Hasan Ma'tsum, Nora Santi & Murali Manik. (2021). Rukun Iman dalam Pembelajaran Aqidah Akhlak. *Islam & Contemporary Issue*. Vol.1, Issue 1, 45-53. Diambil daripada <http://creativecommons.org/license/by/4.0/>
- Jumiya, A. (2014). Masalah Pembelajaran dan Penguasaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua dalam Kalangan Murid-Murid Kensi: Satu Kajian Kes. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah. Diambil daripada https://etd.uum.edu.my/4461/2/s90544_abstract.pdf
- Manisah, M.A, & Norizza, S. (2016). Intervensi Meningkatkan Tumpuan dalam Pembelajaran Murid Bermasalah Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. Vol. 41(1). 1-6. Diambil daripada <http://journalarticle.ukm.my/10451/1/14002-38450-1-SM.pdf>
- Mateu, S., Maria, B., & Gloria, G. B. (2017). Sluggish Cognitive Tempo and Attention-Deficit/Hyperactivity Disorder (ADHD) Inattention in the Home and School Contexts: Parent and Teacher Invariance and Cross-Setting Validity. *Psychological Assessment*. 2017. Vol. 29, No. 2, 209 –220. Diambil daripada <http://dx.doi.org/10.1037/pas0000325>
- Mateu, S., Belén, S., G. Leonard, B., & Stephen, P.B. (2018). Clinical Differentiation of Sluggish Cognitive Tempo and Attention-Deficit/Hyperactivity Disorder in Children. *J Abnorm Psychol*. Vol. 127(8), 818–829. Diambil daripada <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC6237634/>
- Mohd Zulkarnain Abd Hamid & Mohd Isa Hamzah. (2021). Kaedah Pujian dan Penghargaan dalam Pembelajaran Al-Quran Bagi Kanak-Kanak Pra Sekolah. *International Journal of Islamic and Humanities Research*. Vol. 1, Issue 2, 109-117. Diambil daripada <https://qalamjournal.com/index.php/home/article/view/29>.
- Mohd. Nasir, M., Siti Norlina, M. & Siti Aisyah, P. (2013). Iman, Islam dan Ihsan: Kaitannya dengan Kesihatan Jiwa. Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar Pendidikan & Penyelidikan Islam (SePPIM13) yang berlangsung pada 17 & 18 Sept. 2013 bertempat di Fakulti Tamadun Islam, UTM Johor Bahru. Diambil daripada https://www.researchgate.net/publication/315794770_Iman_Islam_dan_Ihsan_Kaitannya_dengan_Kesihatan_Jiwa
- Noor Asliza, A.R. & Normaliza, A.R. (2014). Strategi Komunikasi Lisan Secara Formal dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan. *Social and Behavioral Sciences*. Vol.134, 382 – 388. Diambil daripada <http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>
- Noor Hayati, R., Mohd Sallehuddin, A.A. & Pramela Krish, N.K. (2022). Penggunaan Bahasa Melayu dalam Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua. *MANU*. Bil. 33 (1), 171-204. Diambil daripada <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/MANU/article/view/3722>
- Nor Izzati, M.N. (2021). Pendidikan Islam bagi Kanak-Kanak Berkeperluan Khas: Guru sebagai Murabbi. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. Vol. 5 (1), 64-76. Diambil daripada <https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no1.92>

- Nurjannah. (2014). Lima Pilar Rukun Islam sebagai Pembentuk Kepribadian Muslim. *Jurnal Hisbah*, Vol. 11, No. 1, 37-52. Diambil daripada https://www.researchgate.net/publication/334518771_LIMA_PILAR_RUKUN_ISLAM_SEBAGAI_PEMBENTUK_KEPRIBADIAN_MUSLIM
- Nur Nadirah, Z & Vijayaletchumy, S. (2018). Paralinguistik dalam Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. Vol. 8, Issue 1, 1-3. Diambil daripada <https://doi.org/10.15282/ijleal.v8.526>
- Nurulasyikin, M., Saifulazry, M., Wan Hurani, O. & Romzi, A. (2021). Kosa Kata Bahasa Arab Al Quran Bersifat Kauniah untuk Pelajar Peringkat Permulaan; Analisis Juzuk 30. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*. Vol. 6 Issue 41, 92-102. Diambil daripada file:///C:/Users/W8.1/Downloads/IJEPC-2021-41-07-07.pdf
- Nurul Haniza, S., Puteri Roslina, A.W., Salinah, J. & Mohammad Tawfik, Y. (2017). Tahap Keupayaan Kognitif Bacaan dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Kanak-Kanak Pemulihan Khas. *Sains Insani*. Vol.2, No. 2. 81-87. Diambil daripada <https://www.researchgate.net/publication/343156863>
- Kiki Melita Andriani, Maemonah, Rz. & Ricky Satria Wiranata. (2022). Penerapan Teori Belajar Behavioristik B. F. Skinner dalam Pembelajaran : Studi Analisis Terhadap Artikel Jurnal Terindeks Sinta Tahun 2014 –2020. *Jurnal Pendidikan & Agama Islam*. Vol. 5, No.1, 78-91. Diambil daripada <https://doi.org/10.0118/saliha.v5i1.263>
- Puteri Roslina, A.W. & Nor Azimah, B. (2016). Gaya Pembelajaran Kanak-Kanak Lembam dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*. Jil. 16, Bil. 2, 323-348. <http://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/4246>
- Siti Khodijah, C. M. (2020). Penguasaan Sintaksis Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Melayu di Universiti Putra Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. Vol. 8(1), 59 – 73. Diambil daripada (<https://doi.org/10.17576/jatma-2020-0801-06>)
- Siti Muhibah, N. & Zetty Nurzuliana, R. (2018). Peranan dan Cabaran Guru-Guru Pendidikan Khas Membentuk Kemenjadian Murid-Murid Masalah Pendengaran dalam Abad Ke 21. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. Vol. 1 (1), 1-8. Diambil daripada <https://doi.org/10.33102/jqss.vol2no1.10>
- Shaidatul Nadira, S. & Roslinda, R. (2018). Tahap Pengetahuan Tiga Orang Pelajar Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran (Lembam) dalam Penambahan Nombor Bulat. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2018)*, 165-172. Diambil daripada http://conference.kuis.edu.my/ispenn/wp-content/uploads/2018/08/18.shaidatul_nadira.pdf
- Valentino Reykliv, M., Johanes, K.P., Noh Ibrahim, B., Djoys Anneke, R. (2022). Hubungan Teori Belajar dengan Teknologi Pendidikan. *Jurnal Ilmu Pendidikan*. Vol. 4 No. 1, 1475 – 1486. Diambil daripada <https://edukatif.org/index.php/edukatif/index>
- Yopi Nisa Febianti. (2018). Peningkatan Motivasi Belajar dengan Pemberian Reward and Punishment yang Positif. *Jurnal Edunomic*. Vol. 6, No. 2, 93-102. Diambil daripada https://www.researchgate.net/publication/331437373_PENINGKATAN_MOTIVASI_BELAJAR_DENGAN_PEMBERIAN_REWARD_AND_PUNISHMENT YANG POSITIF

Yusmini M.Y. & Azura A. (2019). Kepentingan Nilai-nilai Islam dalam Pembangunan Diri Orang Kelainan Upaya (OKU) Kategori Bermasalah Pembelajaran. *Jurnal Usuluddin*. Vol. 47, 105-118. Diambil daripada <https://doi.org/10.22452/usuluddin.sp2019no1.5>

Siti Noridayu Abd. Nasir (Corresponding author)
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang,
Selangor Darul Ehsan
Email: noridayu87_nasir@yahoo.com

Hazlina Abdul Halim
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang,
Selangor Darul Ehsan
Email: hazlina_ah@upm.edu.my